

TROKEN TABLET 75MG

Clopidogrel (75mg)

What is in this leaflet:

1. What Troken is used for
2. How Troken works
3. Before you use Troken
4. How to use Troken
5. While you are using it
6. Side effects
7. Storage and disposal of Troken
8. Product description
9. Manufacturer and Product registration holder
10. Date of revision

- Read all of this leaflet carefully before you start taking this medicine because it contains important information for you.
- Keep this leaflet. You may need to read it again.

What Troken is used for

Troken contains the active ingredient clopidogrel. Troken belongs to a group of medicines called antiplatelet medicines.

You may have prescribed Troken to help prevent blood clots forming and to reduce the risk of stroke, heart attack and death because:

- You have previously suffered from a severe type of chest pain known as 'unstable angina' or 'myocardial infarction' (heart attack). In this condition, your doctor might have given you acetylsalicylic acid, a substance present in medicines used to relieve pain and fever as well as to prevent blood clotting.

Your doctor may have prescribed this medicine for another use. If you want more information, ask your doctor. Troken is only available on a doctor's prescription.

How Troken works

Normally, when there is a cut or break in a small blood vessel, a blood clot forms to plug the hole until the blood vessel heals.

Small cells in the blood called platelets make the blood clot.

When a platelet detects a damaged area of a blood vessel, it produces a chemical that attracts other platelets and makes them stick together to form a blood clot. Clopidogrel effects lies in its ability to stop natural substance called ADP from sticking to blood platelets. When ADP cannot stick to platelets, the latter lose their ability to clot instantly. In simpler words, Clopidogrel reduces the ability of the platelets to stick together so reduces the risk of clots forming, and keep the blood flowing smoothly through the arteries.

Before you use Troken

When you must not take it

Do not take this medicine if you have an allergy to:

- clopidogrel, the active ingredient, or to any of the other ingredients listed at the end of this leaflet under 'Product description'.

Do not take this medicine if you have or have had:

- severe liver disease.
- a medical condition that is causing bleeding such as stomach ulcer or bleeding within your head.

Do not breastfeed if you are taking this medicine.

The active ingredient in Troken passes into breast milk and there is a possibility that your baby may be affected.

Safety and effectiveness in children younger than 18 years have not been established.

Do not take this medicine after the expiry date printed on the pack or if the packaging is torn or shows sign of tampering.

If it has expired or is damaged, return it to your pharmacist for disposal.

If you are not sure whether you should start taking this medicine, talk to your doctor.

Before you start to take Troken

Tell your doctor if you have or have had any of the following medical conditions:

- bleeding disorders or blood clotting problems

- any illness or disability that was caused by bleeding such as impaired sight or vision because of bleeding within the eye.

- recent serious injury
- recent surgery (including dental surgery)

- any form of liver disease

Tell your doctor if you are pregnant or plan to become pregnant.

Your doctor can discuss with you the risks and benefits involved.

Tell your doctor if you are planning to have an operation (including dental surgery) in the next two weeks.

Your doctor will decide whether or not you need to stop taking your medicine prior to surgery.

If you have not told your doctor about any of the above, tell him/her before you start taking Troken.

Taking other medicines

Tell your doctor or pharmacist if you are taking any other medicines, including any that you buy without a prescription from your pharmacy, supermarket or health food store.

Some medicines and Troken may interfere with each other. These include:

- medicines that 'thin the blood'. The most common examples of these include aspirin, heparins and warfarin.
- Non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs)-medicines used to treat arthritis, period pain, aches and pains.
- medicines used to treat stomach ulcers or reflux disease (also called heartburn).
- phenytoin – a medicine used to treat epilepsy
- tolbutamide – a medicine used to treat diabetes
- tamoxifen –a medicine used to treat breast cancer
- fluvastatin – a medicine used to lower cholesterol.

These medicines may be affected by Troken or affect how well Troken works.

Your doctor may need to change the amount of your medicines, or you may need to take different medicines.

If you are unsure about any medicine you are taking you should check with

TROKEN TABLET 75MG

Clopidogrel (75mg)

doctor or pharmacist. They will have more information on medicines to be careful with or avoid while taking Troken.

How to use Troken

How much to take it

Your doctor will tell you how many tablets to take each day. Take Troken only as prescribed by your doctor and follow his or her directions carefully. They may differ from the information contained in this leaflet. The usual dose of Troken is one 75mg tablet daily.

When to take it

You can take Troken before or after meals.

You should swallow the tablet with a glass of water.

Take Troken at about the same time each day. Taking your tablet at the same time each day will have the best effect. It will also help you to remember when to take it.

How long to take it

You should take Troken for as long as your doctor continues to prescribe it.

If you forgot to take Troken

If you miss a dose, take it as soon as you remember. If it is almost time for your next dose, skip the dose you missed and take your next dose when you are meant to.

If you are not sure what to do, ask your doctor or pharmacist.

If you have trouble remembering to take your medicine, ask your pharmacist for some hints.

If you take too much (overdose)

If overdosage occurs, refer to the nearest hospital or contact your doctor as soon as possible.

While you are using it

Things you must do

- Take Troken exactly as your doctor has prescribed, and have any blood tests promptly if your doctor orders them.
- Tell your doctor if you become pregnant while taking Troken.
- Tell your doctor if you decide to breast feed your baby. Your doctor may want to discuss this and change your medicine.
- Tell your doctor that you are taking Troken if you are about to start on any new medicine.
- Tell all your doctors, dentists, nurses and pharmacists that you are taking Troken. Troken may increase the risk of bleeding during an operation or some dental work. Therefore, treatment may need to be stopped before surgery. Your doctor will decide whether to stop Troken and if so, how long before surgery or dental work.
- Ask your doctor whether there are any activities you should avoid while taking Troken for example certain sports. Sometimes after an injury, bleeding may occur inside your body without you knowing about it.
- Tell your doctor immediately if you are injured while taking Troken. It may take longer than usual to stop bleeding while you are taking Troken.
- Tell your doctor immediately if you notice any of the following:
 - abnormal bruising or bleeding
 - abnormal nose bleeds
 - bloody or black bowel motions
 - red or purple blotches on your skin
 - swelling of the face, lips, mouth, tongue or throat which may cause difficulty swallowing or breathing (see also 'Side effects' section).

Things you must not do

Do not take Troken to treat any other complaints unless your doctor tells you to.

This medicine has been prescribed for you only. Do not pass it on to others. It may harm them, even if their signs of illness are the same as yours.

Do not stop taking your medicine without checking with your doctor.

Things to be careful of

Be careful driving or operating machinery until you know how Troken affects you.

As with other medicines, Troken may cause faintness or dizziness in some people. Make sure you know how you react to Troken before you drive a car or operate machinery, or do anything else that could be dangerous if you are faint or dizzy. If this occurs, do not drive. If you drink alcohol, faintness or dizziness may be worse.

Side effects

Tell your doctor or pharmacist as soon as possible if you do not feel well while you are taking Troken.

Like other medicines Troken can cause some side effects. Most are likely to be minor and temporary.

However, some may be serious and need medical attention.

Ask your doctor or pharmacist to answer any questions you may have.

Tell your doctor or pharmacist if you notice any of the following and they worry you:

- diarrhoea
- itching
- pain or stiffness in the joints

Tell your doctor immediately if you notice any of the following:

(NOTE: If you take both Troken and aspirin the risk of side effects related to bleeding may be increased).

- bloody or black bowel motions
- diarrhoea with blood, mucus, stomach pain and fever
- abdominal or stomach pain
- vomiting of blood or vomit that looks like coffee grounds
- coughing up blood
- blood in the urine
- blood in the eyes
- unusually heavy bleeding or cozing from cuts or wounds
- bleeding (including nose bleeds) or bruising more easily than normal

TROKEN TABLET 75MG

Clopidogrel (75mg)

- unusually heavy or unexpected menstrual bleeding
- numbness (paralysis) or problems with co-ordination
- nausea or vomiting
- faintness or dizziness
- headache (severe and continuing)
- fever or other signs of infection, such as a sore throat
- rash or hives
- fatigue
- muscle pain
- anaemia (being tired and looking pale)
- red or purple spots visible through your skin
- itching, inflamed, cracking or red skin
- tightness of the chest, wheezing, coughing or difficulty breathing
- yellowing of the skin or the whites of the eyes, pale stools and dark urine with vomiting and stomach pain
- swelling of the face, lips, mouth, tongue or throat which may cause difficulty in swallowing or breathing.

These could be more serious side effects you may need urgent medical attention.

Other side effects not listed above may also occur in some patients.

Tell your doctor if you notice any other effects.

Do not be alarmed by this list of side effects.

Most people do not experience any of them.

You may report any side effects or adverse drug reactions directly to The National Centre for Adverse Drug Reaction Monitoring by calling Tel: 03-78835550, or visiting the website nprra.moh.gov.my (Public->Reporting Medicinal Problems/ Side Effects/ AEFI/ Vaccine Safety)

Storage and disposal of Troken

Storage

Keep your tablets in the blister pack until it is time to take them.

If you take your tablets out of the box or blister pack they will not keep well.

Keep Troken in place where the temperature stays below 30°C.

Heat and dampness can destroy some medicines. Do not leave Troken in the car on hot days.

Do not store Troken or any other medication in the bathroom or near a sink.

Keep Troken where young children cannot reach it.

A locked cupboard at least one and a half metres above the ground is a good place to store medicines.

Disposal

Medicines should not be disposed of via wastewater or household waste. Ask your pharmacist how to dispose of medicines no longer required. These measures will help to protect the environment.

Product description

What it looks like

Troken Tablet 75mg come as pink, round, biconvex film coated tablets.

A box contains 28 film coated tablets.

Ingredients

Active Ingredient:

Clopidogrel 75mg

Other Ingredients:

Microcrystalline cellulose
Sodium stearyl fumarate
Colloidal silicon dioxide
Crospovidone
Anhydrous lactose
Opadry II white YS-30-18056
Ponceau red 4R
Opadry clear YS-1-7006
Saccharin sodium
Purified Water

Registration MAL Number:

MAL11060018A

Manufacturer:

Quimica Montpellier S.A
 Virrey Liniers 673,
 Buenos Aires, Argentina

Product Registration Holder:

THE ZYFAS MEDICAL CO
 No. 7, Jalan Molek 3/10,
 Taman Molek,
 81100 Johor Bahru,
 Johor.

Date of revision: 30/03/2018

Serial Number:

BPFK(R4/1)040615/00141

TROKEN TABLET 75MG

Clopidogrel (75mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Troken
2. Sebelum mengambil Troken
3. Cara mengambil
4. Semasa menggunakan Troken
5. Kesan-kesan sampingan
6. Cara penyimpanan dan pelupusan Troken
7. Maklumat lanjut.

- Baca semua risalah ini dengan teliti sebelum anda mula mengambil ubat ini kerana ia mengandungi maklumat penting untuk anda.
- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu untuk membaca sekali lagi.

Apakah kegunaan Troken

Troken mengandungi bahan aktif *Clopidogrel*. Troken adalah antara golongan ubat yang dipanggil *antiplatelet*.

Anda mungkin telah diberi Troken untuk membantu mencegah darah beku dan untuk mengurangkan risiko strok, serangan jantung dan kematian kerana:

- Sebelum ini anda telah mengalami sakit dada yang teruk yang disebabkan dari serangan jantung. Ketika itu, doktor anda mungkin telah memberi *acetylsalicylic* asid, iaitu bahan yang terdapat di dalam ubat-ubatan yang digunakan untuk melegakan kesakitan dan demam serta mengelakkan pembekuan darah.

Doktor anda boleh memberi ubat ini kepada anda dengan tujuan yang lain. Sila rujuk kepada doktor anda untuk maklumat lanjut.

Troken hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor.

Bagaimana Troken berfungsi

Biasanya, apabila berlakunya kecederaan pada saluran darah yang kecil, darah beku akan menutupi lubang itu sehingga saluran darah yang kecil itu pulih. Darah beku ini terdiri pada sel yang kecil di dalam darah yang dipanggil sebagai *platelet*. Apabila *platelet* ini mendapati

ada kecederaan pada saluran darah, ia akan menghasilkan bahan kimia yang membolehkan *platelet* untuk melekat antara satu sama lain untuk menjadi darah beku.

Keberkesanan *clopidogrel* terletak pada keupayaannya untuk menghentikan bahan semulajadi yang dipanggil ADP daripada melekat pada *platelet* darah. Apabila ADP tidak boleh melekat pada *platelet* darah, darah tidak akan membeku dengan segera. *Clopidogrel* mengurangkan keupayaan *platelet* untuk melekat. Oleh itu, mengurangkan risiko darah beku dan darah dapat mengalir di saluran darah dengan lancar.

Sebelum mengambil Troken

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan kepada:

- *Clopidogrel*, bahan aktif, atau kepada kandungan yang disenaraikan di bahagian 'Bahan-bahan kandungan'.

Jangan mengambil ubat ini jika anda mengalami atau pernah mengalami:

- Penyakit hati yang teruk
- Penyakit pendarahan seperti ulser perut atau pendarahan di kepala.

Jangan menyusukan bayi jika anda sedang mengambil ubat ini.

Bahan aktif Troken boleh melepasi ke dalam susu ibu dan ada kemungkinan boleh menjejaskan kesihatan bayi anda.

Keselamatan dan keberkesanan di kalangan kanak-kanak bawah 18 tahun masih belum diketahui.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada pek atau jika bungkusan menunjukkan tanda-tanda salahgunaan.

Jika ia sudah pun melepasi tarikh luput atau rosak, sila pulangkan pada ahli farmasi untuk dilupuskan.

Jika anda kurang pasti bila anda harus mula mengambil ubat ini, sila rujuk kepada doktor anda.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jikalau anda sedang menghidap atau pernah menghidap penyakit berikut:

- masalah pendarahan atau masalah pembekuan darah
- sebarang penyakit atau hilang keupayaan yang disebabkan oleh pendarahan seperti cacat penglihatan kerana pendarahan di dalam mata
- mengalami kecederaan yang serius baru-baru ini
- baru menjalani pembedahan (termasuk pembedahan gigi)
- sebarang penyakit hati

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau sedang merancang kehamilan.

Doktor anda akan berbincang tentang risiko dan kebaikan bagi anda.

Beritahu doktor anda jika anda merancang untuk menjalani pembedahan (termasuk pembedahan gigi) pada masa dua minggu yang akan datang.

Doktor anda akan membuat keputusan sama ada anda perlu berhenti mengambil ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda perkara-perkara yang disenaraikan di atas, sila beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubat yang lain, termasuk yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Troken dan juga ubat-ubatan lain boleh menjejaskan antara satu sama lain. Ini termasuk:

- ubat-ubat yang boleh mencairkan darah. Contohnya *aspirin*, *heparins* dan *warfarin*.
- Ubat anti-radang bukan steroid (NSAID) yang digunakan untuk perubatan arthritis, sakit ketika kedatangan haid dan juga lain-lain sakit.
- ubat untuk perubatan ulser perut atau penyakit pedih hulu hati
- *phenytoin*- ubat untuk merawat sawan
- *tolbutamide*- ubat untuk merawat kencing manis

TROKEN TABLET 75MG

Clopidogrel (75mg)

- *tamoxifen*- ubat untuk merawat barah payu darah
- *fluvastatin*- ubat untuk mengurangkan lemak kolesterol

Ubat-ubat ini boleh mempengaruhi keberkesanan Troken atau sebaliknya.

Doktor anda mungkin perlu menukar dos yang perlu diambil atau anda mungkin perlu mengambil ubat-ubatan yang lain.

Jika anda kurang pasti tentang ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Mereka mempunyai lebih pengetahuan mengenai ubat-ubat ini, samada anda perlu berhati-hati atau perlu mengelak dari mengambilnya bersama Troken.

Cara mengambil

Berapa banyak harus diambil

Doktor anda akan memberitahu anda dos yang perlu diambil setiap hari. Ambil Troken sebagaimana yang telah ditetapkan oleh doktor anda. Ikuti arahan doktor dengan teliti.

Arahan doktor mungkin berbeza dengan apa yang disenaraikan di dalam risalah ini.

Dos yang biasa untuk Troken adalah satu tablet (75mg) setiap hari.

Bila perlu diambil

Troken boleh diambil sebelum ataupun selepas makan. Tablet harus ditelan dengan segelas air. Ambil ubat ini pada waktu yang sama setiap hari untuk mendapatkan kesan yang terbaik. Dengan ini juga, menjadikan anda senang untuk mengingatkan masa untuk mengambilnya.

Berapa lama perlu diambil

Anda perlu mengambil Troken selama yang telah ditetapkan oleh doktor.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, ambil serta merta sebaik anda teringat. Tetapi jika waktu untuk dos seterusnya sudah hampir, tinggal dos

yang terlupa dan ambil dos yang seterusnya sahaja. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan yang terlupa.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, tanyalah kepada doktor atau farmasi anda.

Jika anda mendapati kesukaran mengingat jadual ubat anda, sila rujuk kepada ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pergi ke hospital yang berdekatan atau jumpa doktor anda dengan segera.

Semasa menggunakan Troken

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil Troken seperti mana yang telah ditetapkan oleh doktor anda, dan jalani ujian darah jika diberitahu oleh doktor.
- Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa mengambil Troken
- Beritahu doktor anda jika anda ingin menyusu bayi anda. Doktor anda mungkin perlu berbincang dengan anda untuk menukar ubat anda.
- Beritahu doktor anda bahawa anda sedang mengambil Troken jika anda diperlukan mengambil ubat-ubatan yang lain.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi, jururawat dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Troken. Troken boleh meninggikan risiko pendarahan semasa pembedahan atau pengurusan gigi. Oleh itu, rawatan harus diberhentikan sebelum pembedahan.
- Doktor anda akan membuat keputusan sama ada untuk memberhentikan Troken dan berapa lama tempoh perlu diberhentikan sebelum menjalani pembedahan tersebut.
- Bertanya kepada doktor anda sama ada terdapat apa-apa aktiviti yang harus dielak, contohnya aktiviti sukan. Kadangkala selepas kecederaan, pendarahan boleh berlaku tanpa disedari.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda cedera ketika sedang mengambil Troken

- Pendarahan akan mengambil lebih masa untuk berhenti semasa mengambil Troken.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika berlaku perkara yang berikut:

- Lebam atau pendarahan yang tidak normal
- hidung berdarah yang tidak normal
- najis berwarna hitam atau berdarah
- tompok merah atau ungu di kulit
- Bengkak muka, bibir, mulut, lidah atau tekak yang boleh menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas (lihat juga bahagian ‘Kesan-kesan sampingan’)

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat penyakit lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Ubat ini telah ditetapkan untuk anda sahaja. Jangan serahkan kepada orang lain. Ini boleh menjejaskan mereka, walaupun mempunyai tanda-tanda penyakit yang sama seperti anda.

Jangan berhenti memakan ubat ini tanpa mendapat arahan dari doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana Troken mempengaruhi anda.

Seperti ubat-ubat lain, Troken boleh menyebabkan pening dan mengantuk pada sesetengah orang. Pastikan anda tahu bagaimana hendak mengawal kesan Troken sebelum memandu kenderaan atau mengendalikan jentera, atau membuat perkara lain yang membahayakan jika anda pengsan atau pening. Jika ini berlaku, jangan memandu. Jika anda minum minuman keras, kejadian pengsan atau pening boleh menjadi teruk.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda berasa tidak sihat semasa anda mengambil Troken. Seperti ubat lain, Troken boleh menyebabkan kesan sampingan.

TROKEN TABLET 75MG

Clopidogrel (75mg)

Kebanyakan hanyalah kesan sampingan yang biasa dan sementara.

Tetapi, ada juga kesan yang serius dan perlukan rawatan perubatan.

Tanyalah apa-apa perkara kepada doktor atau ahli farmasi anda jika perlu.

Beritahu doktor jika anda mendapati kesan berikut yang membimbangkan:

- cirit-birit
- gatal-gatal
- sakit atau kekejangan pada sendi

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda dapati kesan-kesan berikut:

(Perhatian: Jika anda mengambil Troken dan aspirin, risiko berkaitan dengan pendarahan boleh bertambah).

- lebam atau pendarahan yang tidak normal
- cirit-birit dengan darah, lendir, sakit perut dan demam
- sakit perut
- muntah darah atau muntah seperti kopi
- batuk darah
- darah semasa buang air kecil
- darah di mata
- pendarahan yang luar biasa akibat luka
- mudah berdarah (termasuk di hidung) atau lebam
- pendarahan haid yang berlebihan
- kebas atau masalah penyelarasan
- pening atau muntah-muntah
- rasa hendak pitam atau pening kepala
- sakit kepala (teruk dan berterusan)
- demam atau tanda-tanda jangkitan yang lain seperti sakit tekak
- ruam atau gatal-gatal
- keletihan
- sakit otot
- anemia (letih dan kelihatan pucat)
- tompok merah atau ungu di kulit
- gatal-gatal, radang, kulit keretakan atau merah
- rasa sesak dada, berdehit, batuk atau kesukaran bernafas
- kekuningan kulit atau putih mata, najis yang pucat dan air kencing gelap dan juga muntah-muntah dan sakit perut
- bengkak muka, bibir, mulut, lidah atau tekak yang menjejaskan pernafasan dan untuk menelan

Kesan sampingan ini boleh menjadi lebih serius. Anda perlu mendapatkan rawatan dengan segera.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku kepada sesetengah pesakit. Beritahu doktor anda jika anda mendapati ada kesan sampingan yang lain.

Jangan khuatir dengan kesan sampingan yang disenaraikan di atas. Kebanyakan orang tidak mengalaminya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public->Reporting Medicinal Problems/ Side Effects/ AEFI/ Vaccine Safety)

Cara penyimpanan dan pelupusan Troken

Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam bungkusannya sehingga sudah tiba masanya untuk diambil.

Ubat anda tidak akan dijaga rapi jika anda mengeluarkannya dari bungkusannya.

Simpan Troken di tempat yang bersuhu bawah 30°C.

Panas dan kelembapan boleh merosakkan beberapa ubat. Jangan tinggalkan Troken di dalam kenderaan pada hari yang panas terik.

Jangan menyimpan Troken atau ubat yang lain di bilik mandi atau berdekatan dengan sink air.

Jauhkan Troken dari kanak-kanak.

Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan yang tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna Troken

Troken Tablet 75mg, berbentuk bulat, bercembung dan bersalut filem berwarna merah jambu.

Diisikan didalam kotak sebanyak 28 biji.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Clopidogrel 75 mg

Bahan tidak aktif:

Microcrystalline cellulose
Sodium stearyl fumarate
Colloidal silicon dioxide
Crospovidone
Anhydrous lactose
Opadry II white YS-30-18056
Ponceau red 4R
Opadry clear YS-1-7006
Saccharin sodium
Purified Water

No. Pendaftaran: MAL 11060018A

Pengilang

Quimica Montpellier S.A
 Virrey Liniers 673,
 Buenos Aires, Argentina

Pemegang Pendaftaran Produk

THE ZYFAS MEDICAL CO
 No 7, Jalan Molek 3/10
 Taman Molek
 81100 Johor Bahru
 Johor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP: 30/03/2018

Serial Number:

BPFK(R4/1)040615/00141